

24 MAR 1998

Mahathir-anak

PENJUALAN SAHAM KPB : DR MAHATHIR KATA BELIAU TIADA KAITAN

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak bertanggungjawab dalam perbincangan mengenai penjualan kepentingan Konsortium Perkapalan Berhad (KPB), yang diterajui oleh anaknya, kepada Malaysia International Shipping Corporation (MISC).

"Dalam perkara ini, saya minta maaf. Perkara ini semua (orang) sebut sebagai melibatkan anak saya.

"Dalam amalan kerajaan, jika ada perkara melibatkan keluarganya, dia tidak boleh ambil bahagian dalam sebarang perbincangan. Oleh itu saya tak ambil kira dalam perkara itu dan saya tak bertanggungjawab dalam perkara itu," katanya semasa menjawab soalan tambahan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) pada persidangan Dewan Rakyat.

Lim sebelum itu bertanya sama ada pembelian saham KPB itu sebagai langkah untuk menyelamatkan KPB yang mempunyai kaitan dengan anak Perdana Menteri. Anak Dr Mahathir, Mirzan ialah pengerusi KPB.

Dr Mahathir berkata amalan kerajaan ialah jika ada keluarga anggota kerajaan yang terlibat dalam perbincangan itu, orang berkenaan tidak berhak menyuarakan pendapatnya.

"Dia terpaksa keluar dari (mesyuarat) kabinet kalau perbincangan itu dibuat di kabinet... dan telah beberapa kali saya dihalau keluar dari kabinet kerana ada perkara (dibincangkan) yang kononnya berkaitan dengan keluarga saya.

"Dan saya tidak sedikit pun rasa tersinggung sebab itu amalan kita dan saya tidak tahu apa yang berlaku dan tidak ambil peduli kerana memanglah, anak Perdana Menteri. Kalau kerja dalam kerajaan, mereka kata kita nak bagi tempat kepada anak kita dalam kerajaan dan kalau anak masuk politik, mereka kata kita ambil anak sebagai pengantinya.

"Ada juga setengah orang bagi (beri) juga anaknya tempat bagi menggantikannya," katanya, sambil memandang kepada Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) dan anaknya Lim Guan Eng. Kit Siang ialah Setiausaha Agung DAP manakala anaknya itu ada Timbalan Setiausaha Agung.

Dr Mahathir berkata bahawa menjelang pilihan raya umum yang lepas ada rombongan yang meminta agar anak beliau dicalonkan.

"Tetapi saya tak bagi. Kalau saya dah berhenti nanti, bolehlah," katanya.

Menjawab soalan tambahan Kit Siang yang mendakwa tindakan kerajaan membeli saham syarikat-syarikat yang bankrap sebagai tindakan "bail-out" (menyelamat), Perdana Menteri berkata: "Sebenarnya tidak ada bail-out...syarikat-syarikat ini adalah syarikat yang kemas, yang tidak ada masalah dan yang untung sebelum jatuhnya nilai mata wang dan nilai saham."

"Syarikat manapun, kalau nilai mata wang dan nilai saham mereka jatuh begitu teruk, tentulah (mereka) mempunyai masalah."

Dr Mahathir berkata jika syarikat-syarikat itu menghadapi masalah dan tidak pula dibantu oleh kerajaan, kerajaan juga yang rugi.

"Kita bertanggungjawab kepada rakyat negara kita. Kita harus ingat kalau syarikat-syarikat itu tidak mendapat untung dan kerajaan sebaliknya bergantung kepada untung syarikat itu untuk mengutip cukai, siapa yang rugi," katanya.

Mengenai dakwaan pembangkang kononnya kerajaan belum dapat meyakinkan rakyat bahawa ekonomi negara beransur pulih, Perdana Menteri berkata usaha ke arah itu telah dibuat dan telahpun menampakkan kejayaan walaupun sedikit.

"Kita berusaha yakinkan semua pihak sama ada dalam negara atau luar negara bahawa keadaan ekonomi yang baik terdapat dalam negara kita, tetapi biasalah, seperti parti pembangkang...apa juga yang kita jelaskan, mereka tidak akan yakin...sebab hati mereka tertutup," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau kluatir jika beliau menyatakan bahawa ekonomi negara pulih sepenuhnya, akan ada usaha untuk menekan lagi nilai mata wang negara.

"Kita sekarang ini tidak ada kebebasan bersuara. Kalau kita kata sesuatu yang kita tak suka, mereka akan berusaha turunkan nilai mata wang kita.

"Tidak seperti parti pembangkang, (mereka) boleh cakap apa saja, tak masuk (dikenakan tindakan) ISA. Kalau nak masuk...dah lama masuk dah...kuasa ada dalam tangan saya, lama dah saya boleh guna...tetapi saya tak guna," katanya.

Mengenai projek-projek mega yang didakwa pembangkang turut menyumbang kepada kegawatan ekonomi negara, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak ada projek mega... orang kata projek mega, kita pun kata projek mega.

Sambil mengambil contoh projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), beliau berkata pembinaannya untuk menampung keperluan penumpang yang semakin meningkat.

"Kita buat KLIA untuk masa depan. Bodohlah kerajaan kalau tak buat perancangan. Semasa pembinaan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, pembinaannya adalah bagi menampung 400,000 penumpang setahun tetapi kini, lapangan terbang itu terpaksa menampung 16 juta penumpang setahun," katanya.

Menara Berkembar Petronas berharga RM2 bilion itu, Dr Mahathir berkata jika bangunan serupa dibina di Jepun, ianya mungkin bernilai US\$10 bilion.

"Kita patut bersyukur kerana negara kita tidak ada gunung berapi," kata Dr Mahathir. --BERNAMA

NZ MAI